

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO PROF. DR. KAMARUDIN HUSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS BERBUKA PUASA WARGA KOLEJ KEDIAMAN**  
**BERSAMA NAIB CANSELOR PADA 15 OGOS 2011 DI DEWAN**  
**SERBAGUNA KAMPUNG WAI**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Prof. Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP.

Yang Berbahagia Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP.

Yang Berbahagia, Encik Zuber Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP.

Yang Berbahagia Puan MAzmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP.

Yang Berbahagia Encil Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP.

Pengetua-pengetua Kolej Kediaman, Penolong-Penolong Pengetua, Barisan Fellow.

Staf-Staf Kolej Kediaman dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Warga Penghuni Kolej Kediaman yang saya kasihi sekalian seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 UniMAP.

Alhamdulillah, kita kini berada di pertengahan bulan Mulia – Ramadhan Al-Mubarak dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak Pengurusan Kolej Kediaman UniMAP atas inisiatif menganjurkan majlis berbuka puasa bersama Warga Kolej Kediaman ini.

Dalam bulan yang mulia ini, setiap umat Islam digalakkan untuk membuat kebajikan bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T. dan pastinya majlis seumpama ini akan memberi pengalaman baru kepada anak-anak pelajar khususnya pelajar baru yang merupakan tahun pertama (pelajar diploma) menjalani ibadah puasa jauh dari keluarga dan sanak saudara. Sekurang-

kurangnya dengan majlis seumpama ini dapat menghilangkan kerinduan masing-masing terhadap juadah dan keluarga tersayang.

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Ramadhan yang dilalui ini banyak membawa keinsafan kepada diri kita. Ia melatih kita untuk menjadi individu yang lebih bertimbangrasa. Di samping itu, ia juga dapat melahirkan hati dan fikiran yang bersih. Rasa lapar dan dahaga yang dilalui dalam menjalani ibadah puasa membantu kita merasai pengalaman yang dilalui oleh golongan yang kurang bernasib baik. Mereka terpaksa menanggung penderitaan menahan lapar dan dahaga.

Kita menahan rasa lapar dan dahaga pada setiap kali berpuasa sahaja terutamanya dalam menjalani puasa pada bulan Ramadhan. Tetapi ramai di kalangan umat Islam di seluruh dunia seperti di Afghanistan, Palestin dan negara-negara miskin lain melalui rasa lapar dan dahaga sepanjang masa. Ada di antara mereka hanya mampu berbuka puasa dengan sekeping roti bersama air sejuk sahaja. Malah lebih dari itu, mereka juga diancam dengan keganasan yang sedang berlaku.

Bersempena sambutan bulan Ramadhan serta hari kemerdekaan secara serentak pada tahun ini, sorot lah sejenak nasib saudara-saudara kita di bumi Timur Tengah atau mana-mana bumi yang pernah bergolak dengan

peperangan. Setiap saat bom serta peluru menghujani bumi mereka. Bagaikan hujan turun membasahi tanah yang gersang, setiap saat yang berlalu pasti ada nyawa yang terkorban, setiap saat juga ada isteri yang menjadi balu, dan anak-anak menjadi yatim piatu dan setiap saat itu juga lah manusia yang tidak berdosa menjadi cacat kerana kehilangan anggota badan serta pancaindera.

Keadaan ini amatlah berlainan sekali dengan ibadah puasa yang dilalui oleh umat Islam di negara kita. Umat Islam di Malaysia menjalani ibadah puasa dalam keadaan yang selesa dengan hidangan yang begitu banyak serta meriah, terdapat banyak Bazar Ramadhan yang menyediakan pelbagai juadah serta tawaran berbuka puasa di hotel atau restoran.

Oleh itu kita perlulah bersyukur dengan nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada kita selama ini. Bersamalah kita menjadikan Ramadhan ini sebagai bulan melatih diri menjadi seorang Islam yang sentiasa membantu saudara seagama dengan penuh kasih sayang dan bertanggungjawab. Apabila kita menunaikan tanggungjawab kita sebagai seorang Islam terhadap saudara sesama Islam kita yang lain, terutamanya kepada mereka yang amat memerlukan bantuan, Insyaallah umat Islam akan hidup dalam suasana yang aman, harmoni dan dihormati.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Ketibaan Ramadhan 1432H/2011M kali ini membawa rahmat dan keberkatan buat semua. Ibadah puasa yang dilakukan di dalam bulan ini membawa hikmah yang sangat besar. Antara hikmahnya adalah, ibadah itu sendiri menjadikan seseorang itu merasai keperitan, kelaparan dan kesengsaraan yang dialami oleh golongan miskin yang kurang bernasib baik. Hasilnya, timbul perasaan kasih semasa insan, kesedaran untuk menghulurkan pertolongan, memupuk perpaduan antara masyarakat dan sebagainya.

Seperti dinyatakan oleh Ibnu Abbas Raziallah bahawa Baginda Rasulullah SAW *pada bulan Ramadhan kita lebih bersifat pemurah daripada angin lalu*. Hal ini seperti diriwayatkan didalam Hadis oleh Imam Bukhari dan Muslim. "Puasa di Bulan Ramadhan juga adalah jalan menuju taqwa".

Selari dengan matlamat ini, marilah kita menyempurnakan keimanan dan meningkatkan ketaqwaan dengan melakukan nilai tambah.

Abu Hurairah telah berkata : Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda tentang Ramadhan yang artinya :

"Sesiapa yang mendirikan Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan maka akan diampunkan baginya dosanya yang telah lalu."

Antara perkara-perkara yang digalakkan di dalam bulan yang mulia ini;

- Memperbanyakkan sedekah kepada fakir miskin dan kasihanilah anak-anak yatim.
- Mengadakan majlis berbuka puasa kepada orang mukmin.
- Memperbanyakkan solat, berzikir kepada Allah SWT dan selawat ke atas nabi SAW.
- Mengambil makanan yang berkhasiat dan halal serta tidak membazir.
- Merasai di dalam hati perasaan takut dan mengharap rahmat Allah SWT sert redha dengan ketentuanNYA.

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa. Semoga kita dapat meneruskan ibadah puasa ini dengan penuh azam untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. dan semoga berkat latihan berpuasa yang dilalui sepanjang Ramadhan ini akan menjadikan kita umat yang lebih baik. Akhir kalam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatan Kuasa pelaksana, hadirin serta hadirat yang telah menjayakan program pada hari ini. Sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-54, ayuhlah kita suburkan semangat patriotisme yang membara dengan mendedikasikan usaha tanpa berbelah bahagi atas nama 1Malaysia. Marilah kita realisasikan masa depan yang lebih sejahtera dan makmur untuk semua rakyat Malaysia. Sama-samalah berdoa

agar perjalanan mulia ini terus diberkati dan diberi petunjuk-Nya dalam kesederhanaan Ramadhan al Mubarak.

**Kita berpuasa selama sebulan,  
Tuntutan Allah yang maha esa,  
Marilah kita mengimarahkan Ramadhan,  
Dalam suasana aman sentosa.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.